



Rujukan Fail: KPM.100-15/3/7 (17)

Tarikh : 18 Mei 2020

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN SISTEM PEMANTAUAN PENGURUSAN ASET (SPPA) DAN SISTEM PEMANTAUAN PENGURUSAN STOR (SPPS) VERSI 3.0 AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) DAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, Kementerian Kewangan Malaysia (KKew) telah melaksanakan **penambahbaikan dan pindaan** ke atas Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) dan Sistem Pemantauan Pengurusan Stor (SPPS) Versi 3.0 yang meliputi perubahan seperti berikut:

- i. **Proses Kerja dalam SPPA dan SPPS** antaranya **pertambahan Modul Daftar Perolehan dan Modul Penerimaan**; dan
- ii. **Perubahan borang-borang iaitu KEW.PA dan KEW.PS** selaras dengan **Pekeliling Perbendaharaan (PP) yang berkuatkuasa mulai 24 April 2018.**

3. Sehubungan itu, KKew akan **menaiktaraf SPPA dan SPPS Versi 3.0** di dalam **enam (6) server KPM dan tiga server KPT** seperti di **Jadual 1 dan Jadual 2** di bawah **secara berperingkat** mulai **04-17 Mei 2020** seperti berikut iaitu:

Jadual 1: Server SPPA dan SPPS KPM

Bil	Server	Agensi Terlibat	Tarikh Naik Taraf
1	sppa1.moe.gov.my	Bahagian Induk dan Agensi di bawah Bahagian Induk	10-31 Mei 2020
2	sppa2.moe.gov.my	Jabatan Pendidikan Negeri WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Agensi di bawahnya	
3	sppa3.moe.gov.my	Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Agensi di bawahnya	
4	sppa4.moe.gov.my	Jabatan Pendidikan Negeri WP Labuan, Sabah, Sarawak dan Agensi di bawahnya	
5	spps1.moe.gov.my	Bahagian Induk dan Agensi di bawah Bahagian Induk	
6	spps2.moe.gov.my	Semua Jabatan Pendidikan Negeri dan Agensi di bawahnya	

Jadual 2: Server SPPA dan SPPS KPT

Bil	Server	Agensi Terlibat	Tarikh Naik Taraf
1	assetspt1.moe.gov.my	Jabatan/ Politeknik/ Kolej Komuniti di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Perlis	04-31 Mei 2020
2	assetspt2.moe.gov.my	Politeknik/ Kolej Komuniti di Johor, Melaka, Kedah dan Pulau Pinang	10-31 Mei 2020
3	assetspt3.moe.gov.my	Politeknik/ Kolej Komuniti di Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak	

4. Sepanjang tempoh kerja-kerja naik taraf ini dilakukan **semua server SPPA dan SPPS KPM dan KPT akan ditutup**. Notis penutupan semua server ini telah pun dimaklumkan kepada semua Pegawai Aset Jabatan/ Bahagian pada 03 dan 06 Mei 2020.

5. Justeru, semua agensi KPM dan KPT akan **menggunakan SPPA dan SPPS Versi 3.0 berkuat kuasa 01 Jun 2020**. Bersama-sama ini disertakan maklumat berikut untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan selanjutnya iaitu:

- i. Manual Panduan Pengguna Sistem Pengurusan Aset Versi 3.0;
- ii. Manual Panduan Pengguna Sistem Pengurusan Stor Versi 3.0;
- iii. Capaian serta Pegawai-pegawai Yang Terlibat di dalam SPPA dan SPPS;
dan
- iv. Soalan Lazim (FAQ) SPPA dan SPPS Versi 3.0.

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

KPM

(a) Nama : Puan Satminder Kaur a/p Kawan Singh
No. Telefon : 019-388 7019
Emel : satminder@moe.gov.my

(b) Nama : En Mohd Aiman bin Norazmi
No. Telefon : 012-943 4193
Emel : aiman.norazmi@moe.gov.my

(a) Nama : Cik Nur Farina binti Mustapa Umar
No. Telefon : 012-383 9354
Emel : farina.mustapa@moe.gov.my

KPT

(a) Nama : Cik Asmah binti Omar
No. Telefon : 014-325 8994
Emel : asmah.omar@moe.gov.my

7. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah **dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua agensi di bawah seliaan Jabatan/ Bahagian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan masing-masing.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SATMINDER KAUR A/P KAWAN SINGH)

Bahagian Pengurusan Aset

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

Tel : 03-8870 5530

Faks : 03-8870 5529

Emel : satminder@moe.gov.my

Catatan:

BPA KPM tidak akan menghantar Salinan Asal surat ini kepada agensi penerima. Justeru, agensi penerima hendaklah mencetak surat ini untuk simpanan fail dan rekod.